
[BIL. 42 OGOS 2019](#)

Sinergi UMP dan AKEPT dalam Program Latihan K

Pihak Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi (AKEPT) memperbanyakkan program libat sama (*engaged*) terhadap aspek kepimpinan dan apa jua dimensi yang berkaitan dengan tadbir urus dalam melestarikan pe

Baru-baru ini iaitu pada 1 Ogos 2019 telah berlangsungnya Program *Leadership Cafe & Individual Lead* kerjasama AKEPT bagi membincangkan pemprofilan personel ke arah kelestarian organisasi bagi mengen berkelayakan untuk dibangunkan sebagai pemimpin institusi pada masa hadapan.

Lebih 30 orang dalam kalangan barisan kepimpinan tertinggi universiti hadir dalam program yang turut dihi Yahaya, Timbalan Pengarah *Centre for Leadership Profiling (CELP)* AKEPT, Profesor Madya Dr. Ismie Pengarah UMP, Dato' Sri Ibrahim Ahmad, Naib Canselor UMP, Profesor Ir. Dr. Wan Azhar Wan Yuson Pendaftar, Profesor Madya Dr. Mohd. Ridzuan Darun.

Menurut Profesor Ir. Dr. Wan Azhar, hanya pemimpin boleh membawa perubahan yang positif.

“Dalam usaha ini, UMP turut menggerakkan inisiatif pemprofilan kompetensi dalam kalangan staf berda berstruktur dan terancang bagi memastikan himpunan bakat yang dilahirkan mempunyai ciri-ciri kepimpi ujar beliau.

Manakala Profesor Dr. Nordin berkata, pihaknya menghargai komitmen UMP dan UMP Advanced yang menawarkan program Diploma Program Eksekutif iaitu *Professional Diploma In Competency Based Talents* sebagai langkah terkehadapan bagi memperkasa kepimpinan bakat-bakat yang ada dalam institusi di negara ini.

“AKEPT juga berperanan dalam memberikan laporan terhadap calon yang bakal dilantik untuk pemilihan penerbitan.”

“Antara laporan ini termasuklah skor kepimpinan, maklumat berkaitan pencapaian akademik, penerbitan peringkat antarabangsa serta jaringan kerjasama,” katanya dalam program yang berlangsung di Hotel Ancasari.

Ujarnya lagi, laporan ini hanya melayakkan calon dipertimbangkan dan sesi temu bual akan menilai kesesuaian.

Beliau juga menasihatkan agar barisan kepimpinan universiti dapat menghadiri modul kepimpinan yang diadakan. Aktiviti yang dijalankan memandangkan proses ini dibuat secara sistematik.

Dalam sesi ini juga turut memfokuskan mekanisme yang telah diaplikasikan pihak AKEPT dalam memperkasa hasil profil bagi memperkasa kompetensi kepimpinan individu.

Malahan melalui hasil profil ini akan membantu individu mengenal pasti kekuatan dan penambahbaikan dengan mengikuti program-program pembangunan yang disediakan pihak AKEPT.

Karnival Sukan MASUM melabuhkan tirai, tinggalkan kenangan

Karnival Sukan Universiti Malaysia (MASUM) 2019 melabuhkan tirai secara rasminya pada 3 Ogos 2019 yang berlangsung selama dua minggu yang menyaksikan Universiti Malaysia Pahang (UMP) sebagai tuan rumah.

Majlis menyaksikan Universiti Teknologi MARA (UiTM) kekal juara dengan pungutan 64 pingat emas, 33 pingat perak dan 17 pingat bronza dalam acara tae kwon do, renang dan memanah.

Ia diikuti Universiti Putra Malaysia (UPM) 44 emas, 38 perak dan 27 gangsa manakala Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dengan pungutan 20 emas, 17 perak dan 28 gangsa manakala UMP berjaya memperoleh sembilan emas, 17 perak dan 17 gangsa.

Dengan semangat kesukanan dan kebersamaan yang tinggi dan sokongan yang jitu menjadikan kesemua atlet mampu melahirkan *'The Thinking Athletes'* seperti yang disasarkan dalam dasar Sukan Kementerian Pendidikan Malaysia.

Hadir merasmikan majlis penutup karnival MASUM adalah Ahli Lembaga Pengarah UMP, Profesor Dato' Tun M. Yusoff dan Kebudayaan UMP, Profesor Dato' Ts. Dr. Rosli Abu Bakar, Penolong Setiausaha Agong 1 MASUM, Timbalan Pengarah Pusat Sukan Universiti Teknologi MARA (UiTM), Haji Mohd Fisol Haji Saud dan Dekan Fakulti Pendidikan UMP, Sulaiman.

Menurut Profesor Dato' Ts. Dr. Rosli Yunus, kejayaan sesuatu kejohanan itu dapat dilihat dengan jumlah pingat yang diperolehi dalam memastikan kejayaan penganjurannya.

"Dalam konteks pertandingan, sudah menjadi adat resam dalam pertandingan terdapat ada yang menaungi kesemua atlet seramai 4,323 saling bekerjasama, berganding bahu dan saling menyokong antara satu sama lain dipertandingan.

"Kerjasama dan sokongan semua pegawai universiti merupakan tunjang kekuatan kepada UMP dalam melaksanakan kejohanan ini di samping sokongan yang tidak berbelah bagi dari pihak KPM.

“Kami juga mengharapkan agar KPM dapat menyokong UMP dalam menyediakan peruntukkan bagi persatuan antarabangsa terutamanya di kampus Induk UMP dalam usaha membangunkan sukan di universiti dalam kalangan mahasiswa,” ujar beliau.

Tambah beliau, selaku tuan rumah, UMP telah cuba sedaya upaya melakukan yang terbaik dari segi layanan pasukan sepanjang MASUM 2019 berlangsung di samping merakamkan penghargaan tahniah kepada penyumbang khidmat bagi menjayakan MASUM 2019.

Dalam majlis itu, Profesor Dato’ Ts. Dr. Rosli turut menyerahkan bendera kejohanan MASUM kepada pihak mana UiTM akan menjadi tuan rumah pada Karnival Sukan MASUM 2020.

Karnival menyaksikan penyertaan seramai 4, 323 atlet dengan mempertandingkan 18 acara sukan seperti bola sepak oleh UiTM, Karate (UPNM), olahraga (UPM), badminton (UKM), catur (UITM), ping pong (USM), ragbi (UPM), bola tampar (UPM), dan tae kwon do (UiTM).

[STEM@UMP](#) inisiatif transformasi generasi abang

Oleh: HALIZAN MOHMOOD
e-mel: izan@ump.edu.my

Pendidikan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) pada abad ke-21 di Malaysia merupakan perkembangan dalam teknologi komunikasi. Melalui pendidikan STEM, cabaran ini dapat ditangani dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran sejajar bagi mendepani cabaran Revolusi Industri 4.0. Sejalan dengan itu, dalam bidang pendidikan (pengajaran dan pembelajaran) perlulah dilakukan supaya selari dengan arus per

Pelaksanaan pendidikan STEM ini adalah selaras dengan visi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk menghasilkan insan yang berkualiti dan mencukupi serta memiliki etika dan nilai kewarganegaraan bagi memacu ekonomi negara untuk menyediakan masyarakat Malaysia yang mampu menghasilkan teknologi masa hadapan bukan sahaja untuk dipasarkan kepada negara luar bagi menjadikan Malaysia negara yang berdaya saing, dinamik dan inovatif. Selain itu, ia mampu menyediakan satu juta peluang pekerjaan dalam bidang STEM dan melonjakkan ekonomi negara p

Pendidikan STEM adalah berteraskan kepada konsep mengenal pasti, mengaplikasi, menghubungkan dan menyelesaikan dengan menggunakan kreativiti dan inovasi pelajar. Melihat kepada hasrat ini, pembudayaan STEM pada abad ke-21 perlu diperkembangkan dengan lebih sistematik supaya negara tidak ketinggalan dalam pencapaian semasa enrolmen pelajar tingkatan 4 dan 5 dalam aliran STEM telah mengalami penurunan. Selain itu, Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) (tahun 6) dalam mata pelajaran Matematik juga menunjukkan prestasi yang berbanding mata pelajaran lain. Begitu juga dengan pencapaian Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) baru-baru ini menunjukkan hampir 50 peratus tidak mendapat kredit (*sumber analisis pencapaian SPM dan UPSR). Oleh itu, pencapaian ini adalah disebabkan oleh para pelajar kurang berminat terhadap mata pelajaran dan kurangnya pendedahan yang khusus berkenaan STEM, peranan ibu bapa dan guru serta kurangnya prasarana dan tenaga kejuruteraan STEM.

Pendedahan berkaitan pendidikan STEM perlulah diterapkan kepada pelajar di peringkat prasekolah (4 h
usia ini, kanak-kanak mempunyai naluri keinginan tahu, keinginan mencuba dan ingatan yang sangat l
mendekatkan mereka dengan alam sekitar, haiwan dan tumbuhan. Pembelajaran secara lisan dan penera
mereka terhadap STEM. Aktiviti STEM yang menyeronokkan seperti membaca, mengira, berpantun/ber
penting dalam asas pembelajaran STEM. Sebagai contoh, melalui lagu 'Bangau Oh Bangau' kanak-ka
tetapi belajar mengenal pasti dan menghubungkan sesuatu masalah dengan punca masalah dan s
pelajaran Sains dengan bersahaja. Melalui kesedaran ini, pihak Universiti Malaysia Pahang (UMP) tel
STEM iaitu *Digital Literacy* untuk kanak-kanak prasekolah. *Digital Literacy* memberi pendedahan kana
teknologi dengan terkawal. Ia telah berjaya melibatkan 345 pelajar sekolah, tujuh buah sekolah dan 30 oran

Ibu bapa juga perlu memainkan peranan bagi menerapkan minat anak-anak terhadap STEM. Pendedaha
boleh dilakukan di rumah. Contohnya, mengajar punca dan akibat sesuatu aktiviti secara ringkas, bag
lampu terbuka dan sebaliknya. Kemudian minta mereka jelaskan perkara yang sama untuk suis yang l
faham, tunjukkan hubungan yang lain pula seperti memecahkan telur atau membasahkan span. Hubung
berfikir tentang punca dan akibat sesuatu perkara.

Pihak sekolah dan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) juga memainkan peranan dalam membudayakan pendidikan STEM dan kaunselor perlulah mewujudkan suasana pembelajaran dan pengajaran STEM yang menarik para pelajar beranggapan pendidikan STEM terutamanya Matematik dan Sains adalah membosankan dan membaca buku sahaja boleh mencapai kelulusan yang cemerlang dalam mata pelajaran ini. Guru-guru perlu mempecahkan masalah dengan 'Bermainan Berasaskan Permainan (PBP)'. PBP merupakan satu pendekatan yang menggunakan permainan bagi meningkatkan minat pelajar. Ianya terbahagi kepada dua iaitu permainan digital (menggunakan medium teknologi video dan animasi) dan secara tradisional yang memerlukan pelajar untuk membaca dan menghafal nota akan membuatkan pembelajaran akan tetapi pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) menggunakan PBP akan membantu pelajar untuk memahami dan mengaplikasikan pemahaman mereka, meningkatkan motivasi dan minat mereka dalam pendidikan STEM digital dan komputer serta permainan realiti alam maya.

Universiti Awam (UA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) perlu meningkatkan program-program dan komuniti setempat bagi memberi kesedaran betapa pentingnya pendidikan STEM dalam memacu pembangunan pelbagai bidang. UMP telah mengambil langkah bagi memulakan inisiatif [STEM@UMP](#) dengan menganjurkan antaranya Pahang Foxhunting 2018, Pahang *Hackhaton* 2018, Saintis Turun Ke Desa, Karnival Pendidikan Peringkat Kebangsaan 2019 dan Sesi Meja Bulat STEM 2019. Melalui program ini, para pelajar sekolah diajar untuk membuat aplikasi robot secara *hands on*. Ini bagi menarik minat pelajar sekolah terhadap pendidikan STEM bersama guru-guru STEM juga membantu mereka meningkatkan dan menambah ilmu pengetahuan dalam STEM para pelajar di sekolah.

Teknologi dunia semakin hari semakin berkembang dan bergerak ke hadapan. Negara China, Korea Selatan dan Jepun telah berjaya bergasi dalam bidang teknologi terkini. Sekiranya Malaysia ingin bersaing dan berdiri sama tinggi dengan negara-negara ini akan tetapi memastikan pembangunan, kemahiran dan penguasaan teknologi terkini kepada generasi akan datang kerana ia merupakan kemahiran asas Revolusi Industri 4.0. Pembudayaan pendidikan STEM merupakan langkah yang perlu diambil oleh kita ini.

Penulis ialah Eksekutif di Jabatan Jaringan Industri dan Masyarakat (ICoN), UMP.

Sidang Editorial

PENAUNG

Profesor Ir. Dr. Wan Azhar Wan Yusoff
nc@ump.edu.my

KETUA EDITOR

Zainuddin Mat Husin
zmh@ump.edu.my

EDITOR

Safriza Haji Baharuddin
safriza@ump.edu.my

WARTAWAN/PENULIS

Mimi Rabita Abdul Wahit
mimirabita@ump.edu.my

Nur Hartini Mohd Hatta
nurhartini@ump.edu.my

Nor Salwana Mohammad Idris
salwana@ump.edu.my

PENTADBIR WEB

MOHD SUHAIMI BIN HASSAN
mohdsuhaimi@ump.edu.my

PEREKA GRAFIK

Noor Azhar Abd Rasid
noorazhar@ump.edu.my

JURUFOTO

Khairu Aidilnisha Rizan Jalil
khairul@ump.edu.my

Muhammad Naufal Samsudin
naufal@ump.edu.my

PEMBANTU PENERBITAN

Hafizatulazlin Abd Aziz
lin@ump.edu.my

Sidang Editorial berhak melakukan penyuntingan terhadap artikel yang tidak mengubah isi tulisan. Karya yang disiarkan tidak mewakili pendapat dan sikap Buletin e-CREATE. Karya yang diterbitkan adalah tanggungjawab Kebenaran Ketua Editor.

Sidang Editorial tidak bertanggungjawab atas kehilangan atau kerosakan data.

Segala sumbangan yang dikirimkan sama ada disiarkan atau tidak, adalah hak milik UMP. Karya boleh dihantar melalui e-Mel atau pos kepada penanggungjawab.

EDITOR

Bahagian Komunikasi Korporat
Pejabat Naib Canselor
Canseleri Tun Abdul Razak
Universiti Malaysia Pahang
26600 Pekan
Pahang Darul Makmur
Tel.: 09-424 5000
Faks: 09-424 5055
e-Mel: safriza@ump.edu.my



5-Star World Class Technological University
www.ump.edu.my



- 88 views

[View PDF](#)

Newsletter Image

CREATE

e-newsletter



Universiti
Malaysia
PAHANG
Engineering • Technology • Creativity

Universiti Teknologi Bertaraf Dunia

